

#### DW 4.9: Cadangan Jeti Nelayan Teluk Buih – Tenglu – Setindan di Mersing

Mersing merupakan daerah yang aktif berkaitan aktiviti perikanan di dalam Johor Tengah. Penyediaan jeti nelayan ini adalah penting bagi memudahkan dan mengurus aktiviti-aktiviti berkaitan perikanan.

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Cadangan ini bertujuan bagi memastikan para nelayan dapat menguruskan dan mengoperasikan pendaratan ikan serta melakukan pemasaran yang lebih efisien.
- Cadangan pembangunan jeti nelayan ini melibatkan beberapa komponen projek seperti menyediakan kemudahan infrastruktur perikanan moden dan bersepadu merangkumi pendaratan, pengendalian, penyimpanan dan pemasaran.

##### Komponen Cadangan:

- Mewujudkan pemusatan pendaratan ikan bagi menggalakkan pembangunan industri perikanan.
- Mewujudkan *one stop centre* bagi menyediakan perkhidmatan kepada nelayan.
- Mewujudkan nilai tambah ekonomi daerah dan menjadi pelengkap kepada aktiviti maritim dan perikanan kepada penduduk tempatan di masa hadapan.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek bersepadu oleh sektor kerajaan.



Foto: Tempat letak bot semasa nelayan di Teluk Buih, Mersing

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

#### CADANGAN LOKASI

Lokasi bagi cadangan ini adalah merujuk kepada lokasi yang telah dicadangkan di dalam RTD Mersing 2030 iaitu di Teluk Buih - Tenglu - Setindan

| Kampung              | Kampung Induk | Kampung Rangkaian |
|----------------------|---------------|-------------------|
| Daerah Mersing       |               |                   |
| Kampung Air Papan    | -             | ✓                 |
| Kampung Tenglu Bt 6  | -             | ✓                 |
| Kampung Tenglu Laut  | ✓             | -                 |
| Kampung Tenglu Besar | ✓             | -                 |
| Kampung Sawah Dato'  | ✓             | -                 |
| <b>Jumlah</b>        | <b>3</b>      | <b>2</b>          |

#### AGENSI PELAKSANA


| Pemula  | Pelaksana  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• LKIM</li> <li>• Jabatan Perikanan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• LKIM</li> <li>• Jabatan Perikanan</li> <li>• Nelayan</li> </ul> |

#### ANGGARAN KOS

- Kos anggaran pembinaan jeti: RM 10,000,000 Juta

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 10,000,000**

#### FASA PELAKSANAAN



Daripada jumlah 5,970 nelayan yang direkodkan bagi kawasan Johor Tengah, 4,736 nelayan (79.33%) adalah dari daerah Mersing di mana aktiviti menangkap ikan merupakan sumber pendapatan yang agak tinggi bagi daerah ini. Sehubungan itu, cadangan pembinaan jeti ini dapat memastikan para nelayan dapat menguruskan dan mengoperasikan pendaratan ikan serta melakukan pemasaran yang lebih efisien. Perincian konsep dan ilustrasi pembangunan adalah seperti berikut.

**JOHOR TENGAH**  
**5,970 NELAYAN**

**DAERAH MERSING**  
**4,736 NELAYAN**  
**79.33%**



Rajah 4.58: Lokasi tapak cadangan jeti nelayan



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020



Foto: Pusat Pendaratan Ikan di LKIM Endau, Mersing.  
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Ilustrasi: Komponen Cadangan Jeti Nelayan



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020